AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Keluar Sabah tak perlu kuarantin

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan menetapkan mereka dari Sabah hanya perlu menjalani ujian pengesanan Covid-19 tiga hari sebelum berlepas ke negeri lain di Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, sekiranya didapati positif atau bergejala, mereka tidak dibenarkan untuk meneruskan perjalanan.

Katanya, bagi yang positif, mereka akan dirujuk ke hospital untuk isolasi, rawatan dan pemantauan manakala bagi individu yang bergejala akan dirujuk untuk pemeriksaan.

"Sekiranya tidak bergejala dan laporan ujian makmal Covid-19 disahkan negatif, pengembara tidak lagi perlu menjalani kuarantin wajib selama 14 hari," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Adham berkata, keputusan tersebut mengambil kira situasi semasa terutama penurunan kes bagi Sabah.

Covid-19: Selangor paling tinggi

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Selangor terus menjadi negeri tertinggi kes baharu positif Covid-19 untuk hari ketiga berturut-turut apabila mencatatkan 1,623 kes dengan 1,511 kes adalah dari Kluster Teratai yang melibatkan pekerja kilang sarung tangan getah, Top Glove di Meru, Klang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sabah pula mencatatkan 232 kes, menjadikan keseluruhan kes positif baharu semalam sebanyak 2,188 kes, tertinggi dalam sehari setakat ini.

Katanya, 112 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) manakala empat kematian dilaporkan semalam.

"Peningkatan kes mendadak di Lembah Klang kebelakangan ini adalah berkait rapat dengan kluster-kluster di tempat kerja.

"Sehingga kini, terdapat 119 kluster berkaitan tempat kerja. Daripada jumlah itu, sebanyak 36 kluster diisytiharkan tamat manakala 83 buah kluster lagi masih aktif sehingga ke hari ini (semalam).

"Sejumlah 77,201 individu, disaring di mana sebanyak 12,079 kes didapati positif Covid-19. Ini melibatkan 4,398 kes warganegara dan 7,681 kes adalah bukan warganegara," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, Kluster Teratai di Kuala Lumpur dan Selangor merekodkan kes paling banyak iaitu 4,036 kes membabitkan 3,846 bukan warganegara dan 190 warga negara.

Tambahnya, sebanyak 107 kes pula adalah berkaitan kluster di penjara yang membabitkan Kluster Tembok (103 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (2 kes), Kluster Penjara Kepayan (1 kes) dan Kluster Penjara Sandakan (1 kes).

PETUGAS Kesihatan membantu pekerja Top Glove untuk menaiki bas bagi menjalani rawatan di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Sungai Buloh di Klang, semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI